

# MT sokong penuh Rakan Muda

Oleh Manja Ismail, Rosmin Darus, Izman Ismail dan Naim Tahir

KUALA LUMPUR, Jumat — Majlis Tertinggi (MT) Umno memberi sokongan penuh kepada program Rakan Muda yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi menggalakkan belia mengamalkan cara hidup sihat.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sokongan itu perlu untuk mengembang dan memajukan program itu ke arah mencapai matlamat masyarakat berkualiti.

“Kita minta supaya ahli MT memberi sokongan penuh kepada Rakan Muda supaya kita dapat kembangkan dan majukan projek ini,” katanya selepas mesyuarat MT, di sini hari ini.

Program Rakan Muda meliputi 10 kegiatan uta-

ma iaitu Rakan Sukan, Rakan Wajadiri, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya, Rakan Rekreasi, Rakan Wirausaha dan Wiramahir, Rakan Kecergasan, Rakan Masyarakat, Rakan Rekreasi dan Bridged Rakan Muda.

Kementerian Belia dan Sukan setakat ini menerima lebih 50,000 borang permohonan daripada belia di seluruh negara yang berminat menyertai itu.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata, Umno berpendapat masalah belia kini agak serius dan harus ditangani secara baik bagi menjamin masa depan.

Menurutnya, Rakan Muda adalah satu program yang baik dan mampu membantu ke arah pembinaan jiwa muda.

“MT menerima dan menyokong program Rakan Muda dan diharap program itu berpanjangan serta dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh remaja secara lebih luas dan dapat disalurkan ke arah pembinaan negara dalam menuju Wawasan 2020,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata, Umno akan membabitkan diri dalam kegiatan program Rakan Muda kerana sebahagian besar ahli parti berusia di bawah 40 tahun.

“Umno yang mempunyai keahlian bermula daripada usia 18 tahun juga mempunyai belia berjiwa besar dan memang wajar membabitkan diri secara langsung dalam program Rakan Muda,” katanya.

Pemuda Umno juga di-

arah supaya dapat menjalankan gerakan bersesuaian dengan apa yang dilaksanakan di bawah program Rakan Muda.

“Kita hendak menangani masalah anak muda yang banyak diperkatakan, daripada dadah, bohsia dan lepak.

“Kelangsungan dan kesinambungan pembinaan negara adalah tanggungjawab belia.

“Oleh itu, parti akan membentangkan satu usul mengenai isu sosial mengenai belia dalam perhimpunan agung nanti,” katanya.

Beliau berkata, perbincangan isu sosial remaja itu bukan sahaja berkisarkan soal negatif tetapi juga perkara positif yang sudah dan sedang dijayakan dalam pelbagai bidang.